

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 3, NO.12 HINGGA NO. 55)

23 NOV 2016

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**



SOALAN NO. : 3

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 23 NOV 2016 (RABU)

SOALAN:

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah Kementerian akan melaksanakan “dredging” di kuala Sungai Limbang yang semakin tohor untuk mengatasi masalah banjir di bandar Limbang dan perkampungan di sepanjang Sungai Limbang semasa air pasang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi kerja-kerja pengorekan di Muara Sungai Limbang, kelulusan peruntukan RMKe-11 telah diperolehi sebanyak RM 10.0 juta. Projek ini telah mendapat kelulusan EIA daripada *Natural Resources Environment Board Sarawak* (NREB). Kementerian akan melaksanakan projek ini dengan segera.

Sekian, terima kasih.